



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03-8884 9370  
Faks : 03-8888 6671  
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.600-17/1/18 ( 81 )

Tarikh : 21 Januari 2020

**Semua Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Tuan,

**PERINGATAN UNTUK TIDAK MENGELUARKAN KENYATAAN MEDIA BERKENAAN DATA  
KES WABAK INFLUENZA DI SEKOLAH-SEKOLAH OLEH KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius kejadian wabak jangkitan saluran pernafasan termasuklah jangkitan virus influenza yang dilaporkan berlaku dalam negara masa kini yang turut melibatkan murid dan guru di sekolah-sekolah KPM.

3. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Penyelaras Kawalan Wabak Penyakit Berjangkit di Sekolah KPM yang diurusetiaikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diadakan pada 13 Januari 2020. Mesyuarat ini telah memutuskan bahawa hanya pihak KKM boleh mengeluarkan kenyataan media berkaitan data kes wabak influenza termasuklah data kes murid atau guru yang dijangkiti wabak influenza selaras dengan fungsi kementerian tersebut.

4. KPM termasuk bahagian, jabatan pendidikan negeri dan pejabat pendidikan daerah hanya dibenarkan mengeluarkan kenyataan berkaitan tindakan-tindakan pencegahan penularan wabak influenza di sekolah serta laporan berkaitan penutupan sekolah atau kelas akibat wabak influenza setelah mendapat nasihat daripada pihak KKM dari semasa ke semasa.

5. YBhg. Datuk/tuan dimohon mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, pengetua dan guru besar di bawah pentadbiran pihak YBhg. Datuk/tuan.

Kerjasama dan segala perhatian pihak YBhg. Datuk/tuan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' MOHD JAMIL BIN MOHAMED)**  
Pengarah  
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian  
Kementerian Pendidikan Malaysia

*EPP(SM)*  
 *utk makluman*

PEJABAT PERGAHAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH		TEPP(P&P) (PD)
<input type="checkbox"/> Makluman	<input type="checkbox"/> Sila Bincang	TEPP(PB)
	<input checked="" type="checkbox"/> Edaran	TEPP(PM)
<input type="checkbox"/> KKPN	<input type="checkbox"/> PTM	TEPP(PS)
	<input type="checkbox"/> PA	KPPK(I&P)
Nota : 22 JAN 2020		KPPK(P)
		KPPK(PK)
		KPPK(PI)
		KPPK(PP)
		KPPK(SM)
		KPP(I)
		KPP(STP)

